



Bahasa Melayu Bahasa Jiwa Bangsa

Sejarah membuktikan bahawa bahasa Melayu sudah mula berperanan sebagai bahasa ilmu sejak abad ke-17. Pada masa itu, bahasa Melayu menjadi wahana penyebaran ilmu falsafah tinggi, ilmu perundangan Islam, ilmu keruhanan, ilmu kerohanian, ilmu bintang dan cakerawala, ilmu kemasyarakatan, ilmu bahasa dan kesusasteraan, di samping ilmu perubatan, matematik dan sejarah. Pusat kegiatan intelektual perundangan dan falsafah dalam bahasa Melayu pada waktu itu termasuklah Pasai, Melaka,

Aceh, Patani, Palembang, Banjar, Bentan dan Riau. Tokoh intelek dan ahli fikir yang terkenal terdiri daripada pengarang agung, seperti Syeikh Nuruddin al-Raniri, Hamzah Fansuri dan Samsudin al-Sumatrani, di samping tokoh sejarah dan bahasa, Tun Sri Lanang dan Raja Ali Haji.

Menurut Prof. Emeritus Dr. Abdul Hamid Mahmood, bahasa Melayu sudah mempunyai 600 ribu istilah dalam 500 bidang dan subbidang ilmu, serta mempunyai laras bahasa yang cukup dan dinamik untuk

membincangkan pelbagai bidang ilmu sains dan teknologi, seperti anatomi, biokimia, farmakologi, mikrobiologi, perubatan, obstetrik dan ginekologi, optalmologi, otorhinolaringologi, parasitologi, patologi, pediatrik, perubatan psikologi, perubatan kemasyarakatan danurgeri, di samping laras ilmu kejuruteraan, seperti kejuruteraan mekanik, kejuruteraan kimia, elektrik dan elektronik, ilmu perniagaan, pengurusan, perakaunan, seni ukir, sains teknologi rumah tangga, kemasyarakatan,

bahasa dan sastera. Kini sudah banyak graduan, pakar, dan pegawai yang lulus dalam bidang sains dan teknologi daripada institusi pengajian setempat dan berkhidmat sebagai doktor, jurutera, pegawai, pentadbir, guru, dan sebagainya di seluruh pelosok tanah air.

Akhir-akhir ini, dalam suasana bahasa Melayu sedang menempa sejarah kejayaan dan kecemerlangan sebagai media penyebaran ilmu moden, termasuk bidang sains dan teknologi, timbul cabaran yang tidak menyenangkan terhadap bahasa itu pada era pascapelancaran Wawasan 2020. Cabaran pertama yang paling menonjol ialah pengumuman penggunaan bahasa Inggeris di sekolah dan institusi pengajian tinggi bagi meningkatkan ilmu sains dan teknologi. Menurut Prof. Datuk Dr. Teo Kok Seong, seruan sekumpulan ibu bapa kepada kerajaan, setelah pemansuhan pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris diumumkan pada bulan Julai 2008, untuk diberi pilihan agar bahasa Inggeris terus digunakan bagi mengajarkan kedua-dua mata pelajaran tersebut di sekolah kebangsaan dapat diinterpretasikan sebagai tindakan yang tidak menyakini kemampuan bahasa Melayu untuk menyampaikan ilmu sains dan teknologi. Tindakan tersebut juga dilihat sebagai tindakan yang tidak menghormati bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan negara. Program Dwibahasa dikatakan juga akan meminggirkan bahasa Melayu dan menjejaskan sistem pendidikan di negara ini.

Cabaran kedua ialah anggapan bahawa bangsa kita hanya boleh maju melalui penggunaan bahasa

SEBAGAI WARGANEGARA YANG PRIHATIN DAN SETIA KEPADA NUSA BANGSA YANG TERCINTA, KITA PERLU BERSIKAP SEHATI SEJIWA BAGI MEMIKUL TANGGUNGJAWAB DALAM USAHA UNTUK MENJADIKAN BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA SARANA ILMU, BAHASA YANG BERKEMAHIRAN TINGGI, BAHASA EKONOMI, BAHASA PERPADUAN, DAN BAHASA KOMUNIKASI YANG BERWIBAWA, TERAMPIL, DAN SENTIASA RELEVAN, BAIK DI TANAH AIR SENDIRI MAHUPUN DI BUANA ANTARABANGSA.

Inggeris. Cabaran seterusnya merupakan kekurangan buku ilmiah, sikap negatif dan kurang yakin akan bahasa Melayu, yakni bahasa Melayu umpama melukut di tepi gantang di tanah watannya sendiri selain kemampuannya berfungsi sebagai bahasa sains dan teknologi pada alaf globalisasi ini.

Perjuangan untuk mempertahankan bahasa kebangsaan tidak cukup dengan hanya berdasarkan emosi dan sentimen semata-mata. Menurut Prof. Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah Karim, bahasa kebangsaan ialah bahasa yang menjadi lambang kedaulatan sesebuah negara dan bahasa itu menjadi ciri pengenalan atau identiti negara tersebut. Erti tersebut, jika benar-benar dihayati, sudah cukup untuk menjelaskan besarnya peranan bahasa kebangsaan untuk meningkatkan imej negara. Kata kedaulatan dan identiti ialah kata kunci yang berkaitan rapat dengan kata imej atau maruah negara.

Di negara ini, bahasa kebangsaan bersinonim dengan bahasa rasmi, iaitu bahasa yang digunakan dalam suasana rasmi, seperti urusan pentadbiran dan pemerintahan, pendidikan dan upacara rasmi. Pada hakikatnya, peranan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi itulah yang benar-benar mengisi erti bahasa

kebangsaan, seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia 1957 (Perkara 152), Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 (Akta 32, semakan 1990) dan Akta Pelajaran 1961. Jika tidak, bahasa itu hanya menjadi lambang negara semata-mata apabila tidak digunakan dalam sektor penting negara.

Apabila kita berbicara tentang peranan bahasa kebangsaan sebagai alat pemancar imej negara, kita bukan lagi memperjuangkan sesuatu yang ingin kita capai, tetapi sesuatu yang sudah diterima, disetujui, dan seharusnya dipertahankan. Peranan bahasa kebangsaan sebagai alat pemancar imej negara dapat dilihat dengan jelasnya berdasarkan fungsi pemersatu, pemisah, prestij, dan penyertaan bahasa tersebut. Yang dimaksudkan dengan fungsi pemersatu ialah fungsi bahasa kebangsaan untuk mewujudkan rasa kesatuan dalam kalangan etnik yang ada. Bagi masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dan latar belakang, bahasa kebangsaan dirancang untuk menjadi unsur pemersatu yang dapat mengatasi kelainan berdasarkan kaum.

Fungsi pemisah pula bererti bahasa kebangsaan dapat menjadi unsur yang membezakan rakyat sebuah negara daripada rakyat negara lain. Pada tingkat

language - jaya

sempurnanya, rakyat Malaysia harus dapat dikenal dan dibezakan daripada rakyat Thailand, misalnya melalui penggunaan satu bahasa kebangsaan. Selanjutnya bahasa kebangsaan melaksanakan fungsi prestij melalui penggunaannya sebagai bahasa rasmi. Kita tentu masih ingat betapa tingginya pandangan sebilangan besar masyarakat kita terhadap bahasa Inggeris yang digunakan sebagai bahasa rasmi di negara ini pada zaman penjajahan Inggeris sehingga 10 tahun sesudah merdeka. Pandangan tinggi sedemikian itu jugalah yang patut diberikan kepada bahasa kebangsaan kita selaras dengan slogan keramat "Bahasa Jiwa Bangsa".

Akhirnya fungsi penyertaan melibatkan peranan sesuatu bahasa, bukan sahaja dalam lingkungan kenegaraan, tetapi sehingga peringkat antarabangsa. Bahasa kebangsaan kita belumlah sampai tahap fungsi tersebut, tetapi potensinya ke arah itu amat jelas terbayang walaupun dibelenggu oleh kekangan dan cabaran mutakhir. Yang kita perlukan ialah kesungguhan untuk menjadikannya bahasa yang cukup

berwibawa untuk menjadi bahasa antarabangsa atau bahasa lingua franca. Jika hal ini dapat dicapai, peranan bahasa kebangsaan kita sebagai pemancar imej negara akan lebih bererti lagi.

Selain sektor pentadbiran dan pendidikan, sektor lain tampaknya masih belum memperlihatkan prestasi yang memuaskan, malah mengecewakan, dalam hal penggunaan bahasa kebangsaan. Sektor swasta paling mengecewakan dalam hal ini biarpun kempen demi kempen diusahakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dari semasa ke semasa, termasuklah kempen Minggu Bahasa Kebangsaan dan Bulan Bahasa Kebangsaan (BBK) yang dilangsungkan di seluruh negara dari tahun 1960 hingga 1966. Pelbagai acara diatur dan dilaksanakan dengan pelibatan semua pihak dan golongan. Antaranya termasuklah perhimpunan di Stadium Negara, Kuala Lumpur, program ikrar bahasa kebangsaan, serta pertandingan bahas dan penulisan esei.

Atas semangat BBK, Gerakan Cintailah Bahasa Kita (GCBK), yang dimulakan pada tahun

1987, telah dapat direalisasikan sebagai wadah kegiatan dan usaha yang berterusan, di samping sebagai lambang perpaduan masyarakat majmuk di Malaysia. Kesenambungan aktiviti berbahasa GCBK diteruskan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-2000). Untuk tempoh ini, pengembangan bahasa kebangsaan dalam sektor swasta menjadi lebih terarah dan lebih pesat melalui kempen Gerakan Bahasa Kebangsaan Sektor Swasta yang berlandaskan tema "Meningkatkan Nilai Ekonomi Bahasa Kebangsaan". Sebenarnya antara matlamat utamanya termasuklah meningkatkan kualiti bahasa kebangsaan supaya lebih mantap dan berkesan penggunaannya dalam sektor swasta, khususnya dalam urusan perdagangan dalam negeri yang mencakup industri perhotelan dan pelancongan dalam negeri, perbankan, pengiklanan, media elektronik dan media cetak.

DBP, sebagai badan kerajaan yang diberi amanah untuk membina dan mengembangkan bahasa dan persuratan kebangsaan dalam segala perancangan dan pelaksanaannya, selama ini cukup menekankan aspek pembangunan dalaman atau kejiwaan. Hal ini berkaitan secara langsung dengan peranan bahasa dan sastra sebagai pengisi jiwa manusiawi yang diinsafi oleh masyarakat yang bertamadun



Rakyat negara ini perlu menghayati falsafah Bahasa Jiwa Bangsa.



sejak zaman-berzaman. Dalam rangka memenuhi hakikat itulah, DBP menganjurkan Bulan Bahasa dan Sastra Negara (BBSN) bermula pada tahun 1999 (kemudian bertukar kepada BBK mulai tahun 2010). Dengan mengangkat bahasa dan sastra sebagai acara negara melalui pemilihan bulan Oktober setiap tahun sebagai BBSN (kemudian BBK), diharapkan masyarakat semua lapisan, tanpa mengira ras, agama dan latar belakang, dapat menghayati peranan bahasa dan sastra dalam pembentukan jiwa yang halus, fikiran yang jernih, dan keperibadian yang luhur.

Sebenarnya, matlamat umum BBSN (kemudian BBK) berkaitan secara langsung dengan usaha kerajaan untuk membina negara bangsa, iaitu negara yang berasaskan kesatuan rakyatnya. Bahasa dan sastra merupakan asas jati diri yang penting untuk menjelmakan konsep bangsa Malaysia, yakni yang ditandai oleh satu bahasa kebangsaan, iaitu bahasa Melayu, tanpa menghalang penggunaan dan pengajaran bahasa yang lain di persada tanah air yang tercinta ini.

Sejak BBSN dilancarkan, pelbagai aktiviti yang mencakup bidang kebahasaan dan kesuasasteraan telah dapat dijelmakan dan direalisasikan di seluruh pelosok tanah air. Antaranya termasuklah syarahan

perdana BBSN, Kembara Bahasa, kuiz perdana bahasa kebangsaan peringkat zon dan kebangsaan, pertandingan koir kebangsaan, sayembara deklamasi puisi antara institusi pengajian tinggi, perhimpunan penulis pelbagai kaum, sayembara penulisan lirik lagu, anugerah Tinta Kencana, anugerah Citra Sahabat DBP, Konvensyen Mahasiswa Nasional Pelapis Pejuang Bahasa Kebangsaan, syarahan BBSN mengikut zon, Muzakarah Munsyi Dewan, pertandingan drama pentas antara bank selain audit bahasa dan zarah bahasa kebangsaan. Untuk menyebarkan maklumat BBSN dengan lebih berkesan, Gerbang Galaksi Maya BBSN, yakni www.mybbns.com, dibuka untuk dilayari oleh sesiapa sahaja untuk mengetahui latar belakangnya, sejarahnya, takwim kegiatan semasa dan terkini, soal jawab bahasa, dan pelbagai maklumat yang mesra pengguna.

Berdasarkan pengamatan pada peringkat akar umbi, ternyata bahawa tidak ada bahasa lain yang dapat menandingi bahasa Melayu sebagai bahasa penguapan dan bahasa komunikasi untuk menyatupadukan masyarakat pelbagai kaum di negara ini, lebih-lebih lagi cetusan aspek bahasa dan budi begitu dominan mempengaruhi perkembangan budaya bahasa Melayu sejak awal

perkembangan budaya itu di Nusantara. Antara cetusan yang menarik tentang bahasa dan budi termasuklah orang berbudi kita berbahasa, orang memberi kita merasa, hancur badan dikandung tanah budi yang baik dikenang juga, bahasa menunjukkan bangsa, dan bahasa jiwa bangsa. Yang jelas, bahasa tunjang kekuatan budaya bangsa. Bahasa berkembang selaras dengan kemajuan dan perubahan budaya yang dicapai oleh negara bangsa (masyarakat) seluruhnya.

Ahli jawatankuasa induk dan urus setia pusat BBSN (kemudian BBK), khasnya, dan DBP, umumnya, tidak harus berpuas hati dalam usaha untuk menggerakkan kempen dan kepelbagaian aktiviti ke seluruh pelosok negara. Pelbagai usaha dan inisiatif tambahan yang difikirkan konstruktif perlu digembeng secara proaktif dan kolektif agar matlamat utama BBSN (kemudian BBK) dalam usaha untuk memantapkan, memperkukuh, dan memamerkan jati diri dan citra negara bangsa Malaysia melalui sastra dan bahasa dapat direalisasikan dengan sungguh-sungguh dan cemerlang.

Selain kepelbagaian program yang disusun dan dilaksanakan oleh jawatankuasa itu sejak tahun 1999, usaha tambahan bagi menyebarkan kegiatan bahasa dan sastra kepada masyarakat umum, khususnya masyarakat bukan Melayu, yakni Cina, India,



Mereka mempunyai bahasa sendiri, tetapi mereka tetap mampu untuk bertutur dalam bahasa Melayu.

Foto: <https://culture.malaysia.wordpress.com>

Kadazan, Dusun dan Melanau, perlu ditingkatkan secara bijaksana dan sungguh-sungguh. Dengan kata lain, DBP, sebagai payung induk dan tonggak kepada kempen itu, harus bergiat proaktif dalam usaha untuk memperkenalkan dan menyebarluaskan kempen, seminar, konvensyen, kolokium, sayembara, serta aktiviti bahasa dan sastera berbahasa Melayu dalam kalangan masyarakat, khususnya masyarakat bukan Melayu, di seluruh negara.

Usaha murni ini wajar dan sebaik-baiknya dimulakan pada peringkat sekolah rendah (terutama SJKC dan SJKT), sekolah menengah (SMPC, SMJK, SMKA, SMK), dan institusi pengajian tinggi tempatan. Sudah tiba masanya aktiviti, seperti Kembara Bahasa, sayembara deklamasi sajak, diskusi buku, penataran bahasa dan sastera, forum, syarahan perdana, kuiz bahasa, serta program bersama penulis muda, Munsyi Dewan atau Sasterawan Negara, dimulakan pada peringkat sekolah untuk memberikan pendedahan tentang keperluan dan kepentingan bahasa dan sastera dalam jiwa raga anak didik kita. Guru dan pensyarah, khususnya tenaga pengajar Bahasa Melayu dan Kesusasteraan Melayu, amat mengalu-alukan program bahasa dan sastera DBP di sekolah atau di institusi pengajian tinggi masing-masing biarpun sistem pendidikan belakangan ini banyak menitikberatkan penggunaan bahasa Inggeris dalam pembelajaran dan pemudahcaraan Sains dan Matematik sehingga menampakkan seolah-oleh bahasa Melayu semakin terpinggir, tersisih dan terabai dalam arus perdana pendidikan di negara kita.

Sebenarnya amat molek sekiranya usaha untuk menyemaikan rasa cinta dan nilai patriotisme bahasa dan sastera bermula dari peringkat awal kanak-kanak kerana kanak-kanak dalam lingkungan usia semula itu diibaratkan sebagai sketsa putih yang mudah untuk kita lakarlukiskan dengan calitan pelbagai warna dan seni rupa bahasa dan sastera yang bermanfaat, sekali gus membentuk sahsiah dan jati diri kanak-kanak yang bakal menjadi pewaris, yakni pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara, pada alaf globalisasi yang serba mencabar ini.

Biarpun beberapa tahun belakangan ini pelbagai kempen dianjurkan dan dilaksanakan, prestasi dan keberhasilan pihak yang dimaksudkan untuk menghargai dan mengamalkan bahasa dan sastera dalam kehidupan sehari-hari cukup mendukacitakan. Buktinya cukup jelas dengan kehadiran surat dan dokumen rasmi yang mula mengabaikan penggunaan tatabahasa bahasa Melayu yang gramatis dan tuntas, penggunaan bahasa rojak dalam majlis formal dan perhimpunan mingguan atau bulanan kian leluasa, bahasa celaru SMS, Facebook, Whatsapp, blog, atau e-mel dalam kalangan generasi muda, di samping penyiaran iklan yang lebih banyak memaparkan kecelaruan dan kerancuan berbahasa dalam kalangan masyarakat majmuk Malaysia.

Barangkali ada baiknya disyorkan agar program anjuran DBP turut membabitkan pihak yang berwajib, seperti Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, Kementerian Pendidikan, Kementerian Komunikasi dan

Multimedia, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, badan bukan kerajaan, dan media massa tempatan. Semua pihak ini perlu berganding bahu menggembeng tenaga dan menyebarluaskan penggunaan bahasa dan sastera secara proaktif, bersepadu, dan menyeluruh dalam kalangan masyarakat majmuk Malaysia pada hari ini. Kita sedia maklum bahawa belakangan ini, bahasa Melayu di persada ketinggian mutu dan kekuatan dalam institusi pendidikan tergugat kerana tekanan amat hebat sektor swasta. Sektor ini sering kali dirujuk oleh kerajaan bagi merangka belanjawan negara yang menyebabkan pengaruh mereka begitu kuat sehingga tercalar wajah bahasa kebangsaan yang menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, bahasa ilmu dan bahasa perpaduan.

Bahasa tunjang kekuatan budaya bangsa. Bahasa berkembang selaras dengan kemajuan dan perubahan budaya yang dicapai oleh masyarakat. Dasar sosial yang futuristik, khususnya yang berkaitan dengan usaha untuk membangunkan dan memajukan budaya dan bahasa bangsa, perlu diberi perhatian dalam keghairahan dan kesungguhan kita untuk mengejar perubahan, pembangunan, dan kemajuan dalam pelbagai bidang utama sejajar dengan Transformasi Nasional 2050. Malaysia, dalam konteks ini, harus mampu untuk mengangkat harga diri dan tamadun bangsa melalui usaha untuk mewacanakan peranan bahasa Melayu selaras dengan kemajuan dan pembangunan, selain melahirkan modal insan yang berilmu, berakhlak,

berketerampilan dan berkemahiran tinggi, yakni modal insan negara bangsa yang berdaya saing dan berupaya untuk duduk sama rendah, berdiri sama tinggi, dengan bangsa maju yang lain di dunia sarwajagt ini.

Yang jelas, perubahan ini turut mempengaruhi sikap, keyakinan, dan perhatian masyarakat bukan Melayu, khususnya masyarakat Cina. Sebilangan besar daripada mereka barangkali beranggapan bahawa perubahan itu menjadikan mereka beransur-ansur hilang kepercayaan dan keyakinan terhadap kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa sarana ilmu, bahasa komunikasi utama, bahasa perpaduan dan jati diri bangsa, serta bahasa unggul merentas kurikulum dalam sistem pendidikan kebangsaan, yakni dasar Memartabatkan Bahasa Melayu Memperkukuh Bahasa Inggeris, Kurikulum Standard Sekolah Rendah, dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013–2025 yang dilancarkan pada 7 September 2015.

Yang jelas, PPPM terus mendukung hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang bermatlamat untuk melahirkan murid yang seimbang dan mempunyai pengetahuan, kemahiran berfikir aras tinggi, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian, serta beridentitikan kebangsaan. PPPM menggariskan 11 anjakan utama untuk mentransformasikan sistem pendidikan negara. Aspek kemahiran dwibahasa berada dalam Anjakan 2, iaitu memastikan setiap murid menguasai kemahiran dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris selain digalakkan untuk mempelajari bahasa tambahan.

Setelah berdekad-dekad lamanya masyarakat bukan Melayu, khususnya masyarakat Cina, berada dalam arus perdana bersama-sama rakan lain untuk mendaulatkan bahasa dan sastera Melayu, hari ini mereka berada di persimpangan pilihan, sama ada mereka kembali kepada bahasa ibunda (bahasa Tionghoa) ataupun menggunakan bahasa Inggeris untuk meneruskan kesinambungan hidup dan membina kerjaya masa depan mereka. Keadaan sedemikian membawa mesej bahawa seandainya pejuang bahasa Melayu semakin terpinggir dan hilang tarungnya, bahasa Melayu, yang menjadi bahasa negara, akan turut merosot. Pendek kata, jati diri bangsa akan beransur-ansur terkikis dan terhakis dalam jiwa setiap warga seiring dengan kepinggiran dan kehilangtarangan bahasa dan sastera Melayu di pentas global, bak kata pepatah hilang bahasa maka akan lenyaplah bangsa.

Jika ditinjau daripada perspektif ini, rakyat pelbagai kaum dan peringkat di negara ini perlu sedar akan hakikat bahawa sesebuah negara bangsa yang sedang menuju ke arah keunggulan tidak seharusnya mengertepikan peranan bahasa utamanya, iaitu bahasa kebangsaan. Rakyat dan pemimpin, terutamanya, perlu bersifat lebih pragmatik dan realistik dengan mengaku bahawa bahasa Melayulah yang akan menentukan kestabilan sosial dan politik di negara ini, selain menjadi wadah untuk mencapai kemajuan dan kegemilangan ekonomi. Janganlah kerana kita terlalu ghairah mengagung-agungkan kehebatan bahasa lain, ada pihak yang bagai lupa daratan dan lupa diri. Sikap sangsi akan

kedudukan dan keupayaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan tentu sedikit banyak dapat dikikis daripada jiwa rakyat melalui kegiatan yang dianjurkan oleh DBP dalam program BKK dari setahun ke setahun.

Oleh itu, kepelbagaian ruang dan peluang disediakan oleh Bahagian Pengembangan Bahasa Kebangsaan Pelbagai Kaum DBP dalam usaha untuk membanyakkan khalayak penulis, penggiat, sarjana, dan pencinta sastera dan bahasa dalam kalangan masyarakat, khususnya masyarakat bukan Melayu, dengan kerjasama badan bukan kerajaan Cina yang berpengaruh, seperti Persekutuan Bersatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia (Dong Zong), Persatuan Penterjemahan dan Penulisan Kreatif Malaysia, Persatuan Kebudayaan Han Malaysia, Gabungan Persatuan Guru Besar Sekolah Tamil Malaysia dan Persatuan Penulis India Malaysia. Antara lain, DBP dan anggota kolaboratifnya dapat merealisasikan program penataran bahasa dan sastera untuk penulis, penggiat, dan pencinta bahasa dan sastera Melayu dari seluruh pelosok negara dalam usaha untuk mencungkil bakat baharu sebagai platform untuk diasahgilangkan oleh sarjana, cendekiawan ilmu, dan sasterawan tersohor tanah air sebelum diketengahkan maju dan cemerlang bukan sahaja di persada bahasa dan sastera nasional, bahkan di arena bahasa dan sastera Nusantara dan antarabangsa. Ruang keistimewaan dan peluang harus lebih terbuka untuk mengajak dan menggalakkan masyarakat bukan Melayu untuk berkecimpung dalam kegiatan bahasa dan sastera Melayu, sama

DBP SEBAGAI BADAN KERAJAAN YANG DIBERI AMANAH UNTUK MEMBINA DAN MENGEMBANGKAN BAHASA DAN PERSURATAN KEBANGSAAN DALAM SEGALA PERANCANGAN DAN PELAKSANAANNYA. SELAMA INI CUKUP MENEKANKAN ASPEK PEMBANGUNAN DALAMAN ATAU KEJIWAAN.

ada pada peringkat daerah, negeri, kebangsaan ataupun antarabangsa.

Dengan kata lain, usaha yang sungguh-sungguh, seperti program Semarak Bahasa Kebangsaan Kampung Baharu dengan kerjasama akrab Jabatan Perdana Menteri, program Bahasa dan Sastera Pelbagai

Kaum, dan Festival Bahasa dan Sastera di seluruh negara perlu berkesinambungan dan ditingkatkan untuk melonjakkan pelibatan masyarakat, khususnya masyarakat bukan Melayu, secara serius dan sungguh-sungguh dalam kegiatan bahasa dan sastera Melayu kerana bahasa Melayu bahasa milik bersama dan perlu dipertanggungjawabkan bersama untuk dicemerlangwangkan, baik di taman bahasa dan sastera nasional, Nusantara mahupun buana antarabangsa.

Sebagai warganegara yang prihatin dan setia kepada nusa bangsa yang tercinta, kita perlu bersikap sehati sejiwa bagi memikul tanggungjawab dalam usaha untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa sarana ilmu, bahasa yang berkemahiran tinggi, bahasa ekonomi, bahasa perpaduan, dan bahasa komunikasi yang berwibawa, terampil, dan sentiasa relevan, baik di tanah air sendiri mahupun di buana antarabangsa, tanpa perlu beraas waswas, musykil, atau bersalah terhadap penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa komunikasi antarabangsa pada zaman sains dan teknologi ini.

Alangkah bangganya saya apabila saya dapat bertutur, menulis, berhujah, mereka cipta, dan berurus niaga dalam bahasa Melayu yang tuntas, gramatis dan berwibawa. Alangkah megahnya saya, sebagai anak watan, apabila saya dapat melihat dan mendengar

masyarakat majmuk Malaysia, tanpa batas sempadan ras, agama, kepercayaan, latar belakang dan stratifikasi sosial, berkomunikasi mesra, intim dan akrab dalam bahasa Melayu, hidup dalam suasana aman, harmoni, makmur, dan muhibah tanpa sebarang wasangka, sekali gus dapat hidup bantu-membantu ibarat kata peribahasa Melayu aur dengan tebing, ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni di buana sarwajayat yang kian mencabar ini.

Dengan usaha gigih yang berterusan, azam iltizam yang sungguh-sungguh oleh DBP, badan bukan kerajaan, sektor swasta dan korporat, masyarakat majmuk dan umarak nusa, visi, dan misi kita untuk mengeratkan dan memperkukuh perpaduan bangsa, serta menonjolkan kekuatan dan keindahan bahasa dan sastera kebangsaan sebagai jambatan jati diri negara bangsa Malaysia yang bertamadun akan dapat direalisasikan dan diperteguh selagi hayat dikandung badan. Sesungguhnya usaha untuk mendatulatkan bahasa dan sastera tanah air tidak terletak di bahu orang Melayu dan kerajaan semata-mata, tetapi menjadi tanggungjawab dan azam iltizam kaum lain juga, termasuk Cina, India, Kadazan, Dusun, Melanau dan orang asli, dalam gelombang usaha murni kita untuk menjadikan bahasa Melayu berwibawa, genre sasteranya bermutu dan dipulihara, sekali gus meningkatkan martabat bahasa dan susastera kita di mercu kecemerlangan dan keterbilangan zaman-berzaman, bak kata di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung.

Sesungguhnya, bahasa Melayu, bahasa jiwa bangsa. ❧

AKAR BANGSA

akar warga bangsa
bahasa
akar budaya bangsa
bahasa
akar jati diri bangsa
bahasa
akar modal insan
bahasa
akar pendidikan
bahasa
akar perpaduan
bahasa
akar kemajuan
bahasa
akar kecemerlangan wawasan
bahasa
akar kegemilangan gagasan
bahasa
akar nusa bangsa
bahasa
bahasa jiwa bangsa!